

'Asas ekonomi kita kukuh'

Nor Mohamed saran Malaysia diberi penarafan kredit lebih tinggi

MALAYSIA memiliki asas kukuh untuk diberikan penarafan kredit yang lebih tinggi, termasuk kekukuhan ekonominya dan kejayaan ketara dalam pelaksanaan transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Sehubungan itu, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop menyarankan agensi penarafan antarabangsa untuk memberikan penarafan kredit lebih tinggi kepada Malaysia.

"Kita (Malaysia) memiliki banyak kekuatan kredit yang muncul di sebalik pencapaian ketara dalamimbangan dagangan luar, ekonomi benar, pasaran modal, perbankan dan transformasi GLC akhir-akhir ini.


"Perubahan positif ini bagaimanapun, tidak dicerminkan dalam peningkatan penarafan untuk Malaysia," katanya dalam pertemuan dengan agensi penarafan antarabangsa di New York, kelmarin.

Teks ucapan beliau dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Malaysia tidak menyaksikan penarafan kreditnya dinaikkan oleh agensi seperti Standard & Poor's (S&P) dan Fitch and Moody's sejak setahun lalu.

September tahun lalu, S&P mengekalkan penarafan kredit bagi mata wang asing Malaysia pada A-/Stable/A-2, manakala mata wang tempatan pada A+/Stable/A-1. Fitch pula kali terakhir meningkatkan penarafan kredit jangka panjang Malaysia kepada A-, gred pelaburan ketujuh tertinggi pada November 2004.

Nor Mohamed mengenal pastiimbangan dagangan luar sebagai kekuatan utama Malaysia, dengan menyebut sektor awam dan negara adalah pemberi pinjaman utama.



BUKA CAWANGAN: Dari kiri: Md Nor, Nazir, Nor Mohamed dan Palmer pada majlis perasmian cawangan CIMB-GK Securities (USA) Inc di Hotel Ritz-Carlton, New York, kelmarin.

"Kita mengendalikan lebihan akaun semasa yang besar dan memiliki sumber luar mantap yang boleh dikeluarkan ketika kekangan ekonomi," katanya.

Hutang luar Malaysia merangkumi 27 peratus eksport, kadar perkhidmatan hutang pada 4.8, manakala rizab antarabangsa adalah tujuh kali hutang jangka pendek luar.

Nor Mohamed berkata, dengan kebanyakan GLC sudah menunjukkan prestasi positif bersandarkan strategi pemulihan masing-masing, ia (GLC) patut dianggap sebagai aset dan bukan liabiliti.

"Pemulihan dalam GLC yang diuruskan Khazanah Nasional Bhd sudah meraih manfaat besar dengan mengubah perusahaan milik kerajaan yang terbesar dan paling lemah

menjadi entiti lebih untung serta kukuh," katanya.

Dalam tempoh setahun lalu, nilai aset Khazanah meningkat 56 peratus kepada RM62.2 bilion.

Perubahan GLC itu, katanya, mem-

“Perubahan positif ini bagaimanapun, tidak dicerminkan dalam peningkatan penarafan untuk Malaysia”

Nor Mohamed Yakcop
Menteri Kewangan Kedua

babitkan sekumpulan 50 syarikat yang disenaraikan dan bebas daripada pembiayaan atau jaminan kerajaan.

Nor Mohamed berkata, kebimbangan agensi penarafan terhadap defisit fiskal Malaysia dan terbitan hutang berterusan untuk membiayai defisit itu, bagaimanapun tidak mengambil kira kepentingan kekuatan kualitatif.

Beliau menjelaskan, Malaysia mengendalikan lebihan operasi yang amat besar dan keseluruhan defisit adalah dalam perbelanjaan yang produktif, fleksibel dan pertumbuhan pembangunan.

"Meminjam bagi perbelanjaan untuk pembangunan menyediakan mekanisme pembayarannya sendiri," katanya.